

31 AUG 1996

Mahathir-Wang

PEMIMPIN YANG GADAI MARUAH, AKAN JUAL NEGARA JIKA DIPILIH, KATA PM

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata maruah negara akan tergadai sekiranya pemimpin yang menggunakan wang untuk mendapatkan sokongan dibenar memegang jawatan dalam kerajaan.

"Hari ini dia cuma jual diri dia, kemudian dia akan jual negara dia," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Lama di sini sebelum berlepas ke Tawau untuk lawatan ke Lembah Danum.

Perdana Menteri, yang ditanya mengenai larangan berkempen pada pemilihan Umno Oktober ini, berkata pemimpin yang menggunakan wang untuk mendapatkan sokongan akan merosakkan negara.

"Kalau pilih pemimpin yang awal-awal lagi bersedia untuk menerima rasuah, maka sudah tentu apabila pemimpin ini memegang jawatan dalam kerajaan, rasuah akan menjadi amalannya," katanya.

Mengenai kononnya ada kalangan pemimpin Umno yang tidak berpuas hati berhubung larangan berkempen menjelang pemilihan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya pun tak puas hati...saya percaya kempen adalah baik. Tapi ada caranya.

"Apabila (kempen) sudah tidak sihat, membabitkan wang dan ugutan, adalah lebih baik tidak diadakan kempen. Walaupun tindakan itu dianggap tidak demokratik, adalah lebih baik menyelamatkan demokrasi dan mematikan kempen.

"Dengan itu, anggota-anggota parti boleh berbuat sesuatu supaya tidak ada larangan lagi iaitu berkempen berasaskan kemampuan diri sendiri dan bukan menggunakan wang," katanya.

Dr Mahathir berkata pelbagai cara sudah difikirkan untuk membanteras politik wang termasuk merayu mereka yang terbabit agar menghentikan amalan itu tetapi "kita masih mendengar ada orang sanggup jual maruah dia, jual diri dia."

Katanya cara paling baik untuk mengatasi amalan itu ialah dengan memupuk nilai moral yang tinggi serta pegangan kepada nilai-nilai mulia dan menjadi bangsa yang mempunyai prinsip.

Perdana Menteri berkata beliau juga tidak menyokong mana-mana pihak pada pemilihan itu, atau mana-mana calon Bebas pada pilihan raya negeri Sarawak minggu depan seperti yang didakwa sekumpulan calon bebas di Sarawak.

Sekumpulan calon bebas dikatakan mendakwa mendapat restu daripada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk bertanding pada pilihan raya 7-8 Sept ini.

"Saya berasa amat dukacita kalau ada rakyat masih percaya kononnya walaupun saya tak kata apa-apa, tetapi saya bagi sokongan kepada orang tertentu.

"Dalam pemilihan Umnopun ada (dakwaan beliau menyokong calon tertentu), sampai ada yang masuk dalam majalah asing kononnya secara diam-diam saya menghantar orang untuk memberi senarai nama-nama yang saya sokong. Begitu juga yang mungkin dilakukan oleh calon-calon bebas ini," katanya.

Perdana Menteri berkata kalau rakyat sanggup terima dakwaan sedemikian, beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana beliau telah berkali-kali menjelaskan bahawa beliau tidak menyokong sesiapa dan akan menerima sesiapa juga yang mampu menjadi pemimpin.

"Kalau saya sokong satu pihak (tapi) dia kalah, sukar bagi saya untuk terima orang yang menang. Sebab itu saya tidak memihak kepada sesiapa,"

kata beliau.

Beliau yang ditanya mengenai anggota Barisan Nasional (BN) yang bertanding sebagai calon bebas di Sarawak, berkata sesiapa juga calon yang menentang calon-calon rasmi BN pada pilihan raya itu, akan disingkir.

-- BERNAMA

JS AKD